

## **SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (24)  
Tarikh : 17 April 2014

**Ketua Pengarang  
Malaysia Nanban**

Tuan,

### **MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "IBU DAN ANAK TIADA SIJIL LAHIR" BERTARIKH 13 APRIL 2014, AHAD – M.S: 5**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Amutha A/P Magenthiran@Vickneswary dan anak berkenaan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

3. Untuk makluman semua kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan dan dikeluarkan sijil kelahiran tanpa mengira status kewarganegaraan seseorang itu sebagaimana dijelaskan pada Seksyen 7 akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299).

4. Sehubungan dengan itu, JPN mengesyorkan agar Puan Amutha A/P Magenthiran@Vickneswary hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang berhampiran untuk mendapatkan penerangan dengan tepat dan terperinci bagi membolehkan pendaftaran sijil kelahiran beliau dan anak-anaknya dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

#### **(JAINISAH BINTI MOHD NOOR)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
  2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
  3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
  4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)